



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM  
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PEMBUKAAN PASAR SEHARI / PAGI, PASAR MALAM DAN PASAR TANI  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Selaras dengan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), yang berkuatkuasa mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 dan keputusan persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan, PBT Johor membuka operasi pasar pagi dan pasar malam yang berada di kawasan PBT bermula 15 Jun 2020. MDSR dengan ini membenarkan operasi Pasar Sehari/Pagi, Pasar Malam, Pasar Tani bermula **15 Jun 2020 dilaksanakan secara berperingkat** di lokasi terpilih dengan pematuhan sepenuhnya Standard Operational Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.

BIL	LOKASI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	PENGGILIRAN
1	Kompleks IKS, Simpang Renggam	Setiap Hari Jumaat 6.00 Pagi – 11.00 Pagi (Mula Beroperasi 19 Jun 2020)	<b>Minggu 1 &amp; 3 –</b>  Jualan Bahan Makanan Mentah Hasil Laut Daging / Ayam Pertanian
2	Bukit Keremoiyang, Jalan Johor-Machap	Setiap Hari Rabu 4.00 Petang – 10.00 Malam (Mula Beroperasi 24 Jun 2020)	Jualan Bahan Makanan Kering Runcit Sayur-Sayuran Buah-Buahan
3	Jalan Stesyen, Renggam	Setiap Hari Sabtu 6.00 Pagi – 11.00 Pagi (Mula Beroperasi 20 Jun 2020)	<b>Minggu 2 &amp; 4 –</b>  Jualan Makanan Bermasak / Minuman Pakaian & Aksesori Serbaneka Jualan Bahan Lain
4	Jalan Putri, Layang-Layang	Setiap Hari Jumaat <b>DIPINDA</b> 4.00 Petang – 10.00 Malam (Mula Beroperasi 26 Jun 2020)	
5	Jalan Lingkaran 3, Taman Sri Lambak	Setiap Hari Jumaat 4.00 Petang – 10.00 Malam (Mula Beroperasi 26 Jun 2020)	
6	Penganjur Berdaftar	<b>Hendaklah Mendapatkan Kebenaran Daripada MDSR</b>	

**SILA AMBIL PERHATIAN**, syarat-syarat pelaksanaan ditetapkan bagi memastikan tahap penguatkuasaan terhadap pembukaan operasi pasar ini dapat dikawal oleh pihak PBT, kelulusan beroperasi adalah tertakluk kepada keputusan MDSR. Oleh itu, peniaga dan pembeli/pengunjung adalah dikehendaki mematuhi keperluan syarat-syarat yang telah ditetapkan sepanjang pembukaan Pasar Sehari/Pagi, Pasar Malam Dan Pasar Tani yang berlangsung sebagaimana ketetapan berikut :

## SYARAT / ARAHAN / SOP BAGI PENIAGA

1. Hanya **warganegara Malaysia** yang memiliki lesen perniagaan yang sah dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan. Dilarang sama sekali menggunakan khidmat **warganegara asing** dalam aktiviti perniagaan;
2. Hendaklah maklum dengan **konsep penggiliran waktu perniagaan** mengikut kategori jualan yang diperkenalkan oleh MDSR bagi mengurangkan jumlah gerai dan memastikan kawasan pasar kekal sistematik.
3. Pendaftaran melibatkan peniaga dan pengunjung dengan aplikasi MY Sejahtera atau Jejak Johor atau QR Code atau diisi secara manual bagi membolehkan Pihak KKM menjejaki kontak rapat. **Warga emas, kanak-kanak dan golongan berisiko tinggi** adalah tidak digalakkan berada dalam kawasan pasar;
4. Peniaga dan pembantu/pekerja perlu menjalani pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki kawasan pasar. Suhu melebihi 37.5<sup>0</sup> C dan mempunyai gejala batuk/selsema **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan perniagaan pada hari tersebut;
5. Peniaga dikehendaki memakai *Face Mask*, apron pakai buang dan sarung tangan sepanjang masa ketika berada dalam kawasan pasar.;
6. Peniaga mestilah **TIDAK TERLIBAT** sebagai PUS (*Patient Under Surveillance*) dan PUI (*Patient Under Investigation*) atau perintah kuarantin;
7. Jumlah peniaga dan pembantu/pekerja di setiap gerai adalah terhad kepada tiga (3) orang sahaja;
8. Mewujudkan kedudukan gerai pada jarak sosial minimum 2 meter antara gerai, dan memastikan pelanggan di setiap gerai mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain;
9. **Penggunaan khemah** sebagai struktur gerai memastikan keseragaman rekabentuk gerai, **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan kanvas;
10. **Peniaga makanan/minuman** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
  - i. Memakai pakaian bersih dengan penutup kepala, sarung tangan dan apron pakai buang;
  - ii. Mendapatkan suntikan pelalian tifoid. Memastikan kad suntik pelalian tifoid masih sah tempoh dan hendaklah sentiasa dibawa untuk membolehkan pemeriksaan pada bila-bila masa;
  - iii. Hanya dibenarkan jualan secara *take away*. Peletakkan kerusi meja adalah dilarang
11. Peniaga adalah dilarang menggunakan polisterina, beg plastik sekali guna dan hendaklah menggunakan produk biodegradasi;
12. Sentiasa menjaga kebersihan diri dan petak gerai semasa dan selepas waktu perniagaan. Sampah sarap hendaklah **DIMASUKKAN KE DALAM BEG PLASTIK** dan **DIKAT** sebelum dibuang ke tempat yang dihaskan oleh MDSR/SWM.

### **SYARAT / ARAHAN / SOP BAGI PEMBELI/PENGUNJUNG**

1. Pendaftaran melibatkan peniaga dan pembeli/pengunjung dengan aplikasi MY Sejahtera atau Jejak Johor atau QR Code atau diisi secara manual bagi membolehkan Pihak KKM menjejaki kontak rapat. **Warga emas, kanak-kanak bawah 12 tahun dan golongan berisiko tinggi** adalah tidak digalakkan berada dalam kawasan pasar;
2. Pembeli/Pengunjung perlu menjalani pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki kawasan pasar, menggunakan *hand sanitizer* dan sangat digalakkan menggunakan *face mask*. Suhu melebihi 37.5<sup>0</sup> C dan mempunyai gejala batuk/selsema **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam kawasan pasar;
3. Pembeli/Pengunjung mestilah **TIDAK TERLIBAT** sebagai PUS (*Patient Under Surveillance*) dan PUI (*Patient Under Investigation*) atau perintah kuarantin;
4. Hanya dua (2) orang bagi satu keluarga sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan pasar;
5. Tempoh yang dihadkan untuk berada dalam kawasan pasar hanya maksima 30 minit bagi setiap pengunjung. Proses urusan jualan juga hanya dijalankan secara belian terus (take away) dan tidak berlengah;
6. Pembeli/Pengunjung hendaklah mengikut laluan pintu masuk dan keluar yang disediakan **secara sehalu** sahaja.
7. Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan, pengerakkan dalam kawasan pasar mestilah terkawal, tidak bersesak dan memastikan penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain antara pembeli/pengunjung semasa pembelian.

Pematuhan kepada syarat-syarat pelaksanaan dan SOP yang ditetapkan adalah mandatori. **Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020.** Sebarang ketidakpatuhan akan mengakibatkan tindakan penutupan pasar pagi dan pasar malam dilakukan **SERTA MERTA** di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Ia adalah selaras dengan peruntukan kuasa kepada Majlis Daerah Simpang Renggam di bawah Seksyen 72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sebarang aduan/ pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui :

Tel 077551300, Hotline : 1300-88-6377, WhatsApp Aduan : 0197551300

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**  
15 Jun 2020